



MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

16.03.2018

SUARA MSWG

Kami mengalu-alukan usaha baharu dalam meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti iaitu pelancaran Laporan Penilaian Agenda Negara dan Integriti Perniagaan (BICA) yang pertama oleh Transparency International (TI) Malaysia, mengikut jejak langkah TI antarabangsa lain dalam membangunkan sebuah badan bukti khusus berkaitan integriti perniagaan serta menjadi platform untuk pembaharuan dan perubahan.

Laporan ini menjadi titik rujukan utama bagi memerangi rasuah dalam amalan perniagaan di Malaysia dan di luar negara.

Perkembangan ini sangat penting terutama bagi Malaysia kerana Presiden Transparency International, Dato' Akhbar Satar, dengan tepat menyatakan negara ini sedang menghadapi "krisis integriti" berikutan pelbagai contoh kes ketirisan wang dalam kerajaan dan badan berkaitan kerajaan.

Melihat daripada perspektif pihak berkepentingan utama dalam syarikat-syarikat besar, isu ketirisan adalah isu berat berikutan hubungan rapat antara kerajaan dan perniagaan. Isu Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLICS) sering menjadi topik yang hangat diperkatakan di Malaysia.

Benar kata-kata Dato' Akhbar. Integriti adalah kunci kepada mana-mana operasi dan pemimpin memainkan peranan yang penting dalam menentukan tahap integriti.

Oleh itu pemimpin korporat dan politik sama-sama perlu menjadi contoh tauladan yang baik.

Antara cadangan TI termasuklah supaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bekerja rapat dengan sektor swasta, penyahkawalseliaan industri media bagi meningkatkan keupayaan pengawasan mereka serta meminda Akta SPRM 2009 bagi memasukkan klausa liabiliti korporat.

Dalam perkembangan yang berbeza, kami ingin mengetengahkan beberapa isu syarikat di bawah pemantauan kami.

MULTI-USAGE HOLDINGS BERHAD (MUHB)

Berdasarkan pemerhatian kami sewaktu menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan yang ditangguhkan (AAGM) baru-baru ini pada 12 Mac 2018, kami mendapati terdapat amalan tidak bersesuaian/ tidak baik dalam syarikat teknologi bangunan yang beribu pejabat di Pulau Pinang ini.

Notis AAGM

Syarikat mengumumkan Notis mesyuarat yang ditangguhkan pada 5 Mac 2018. Tempoh notis 7 hari ini amat singkat dan jelas tidak mencukupi jika dibandingkan dengan notis 21 hari seperti yang dikehendaki di bawah Seksyen 318 Akta Syarikat 2016. Para pemegang saham yang hadir dalam mesyuarat dimaklumkan bahawa AAGM diadakan mengikut Perintah Persetujuan yang memerlukan diadakan pada atau sebelum 13 Mac 2018.

Walau bagaimanapun, kami ingin memaklumkan bahawa Perintah Persetujuan diperolehi pada 21 Februari 2018 dan notis AAGM hanya dikeluarkan pada 5 Mac 2018, iaitu 12 hari selepas Perintah Persetujuan tetapi AAGM cuma diberikan notis 7 hari. Dalam hal ini, Lembaga sepatutnya memberikan tempoh notis yang lebih panjang jika syarikat bertujuan memudahkan pemegang saham untuk menghadiri dan mengundi dalam mesyuarat tersebut namun jelas sekali, ini bukan tujuan mereka.

Menurut Seksyen 196 (1) Akta Syarikat 2016, syarikat awam perlu mempunyai bilangan minimum dua pengarah manakala Seksyen 196 (3) menyatakan, antara lain, seorang pengarah syarikat tidak boleh meletak jawatan atau mengosongkan jawatannya sama ada secara peletakan jawatan atau bercuti dari pejabat. Jumlah pengarah syarikat berada di bawah jumlah minimum seperti yang dikehendaki di bawah Seksyen 196 (1).

Disebabkan peletakan jawatan ramai pengarah, MUHB kini mempunyai dua pengarah - seorang daripada mereka adalah Pengerusi yang sepatutnya dipilih semula. Para pemegang saham mengundi menolak pemilihan semula Pengerusi berkenaan. Walau bagaimanapun, ini dianggap tidak terpakai berikutan seorang lagi Pengarah Syarikat memetik Seksyen 196 (1) dan 196 (3) di atas untuk mengembalikan Pengerusi sebagai pengarah MUHB dan bukannya membenarkan jawatan itu diisi oleh seorang pengarah yang dipilih oleh pemegang saham.

Kes ini suatu contoh yang jelas yang mana suara pemegang saham tidak dihormati dan syarikat tidak menunjukkan profesionalisme dan amalan tadbir urus yang sepatutnya. Kami mendapati ini merupakan kali kedua MUHB menggunakan Seksyen 196 (1). Oleh itu, mesej yang tegas perlu dihantar bukan sahaja kepada MUHB malah kepada semua syarikat lain - amalan yang tidak sihat tidak sepatutnya dibenarkan demi menjaga kepentingan pasaran modal yang sihat dengan tahap tadbir urus yang tinggi.

Aktivisme pemegang saham tidak boleh dipandang ringan. Hak dan kepentingan mereka perlu dihormati dan dilindungi.

Ketepatan Merekodkan Perkara Utama yang Dibincangkan dalam Mesyuarat Agung

Dalam kes ini, Setiausaha Syarikat perlu berusaha sehabis baik bagi memastikan perkara utama yang dibincangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan MUHB direkodkan dengan tepat tanpa sebarang kesilapan atau ketinggalan. MSWG mengetengahkan soalan yang ditanya oleh wakil MSWG pada AGM yang diadakan pada 29 Disember 2017 adalah "Perbelanjaan Lain" dan bukannya "Kerugian Lain" seperti yang direkodkan. Menjawab pertanyaan kami untuk butiran mengenai "Perbelanjaan Lain" dengan butiran "Kerugian Lain" pastinya tidak dapat diterima. Kedua-duanya jelas perkara yang berbeza.

Di samping itu, tiada rekod pernyataan oleh MSWG yang mengatakan para pengarah perlu membayar balik kepada Syarikat sebarang bayaran yang dibuat kepada mereka memandangkan resolusi berkenaan ganjaran pengarah tidak dilaksanakan.

Secara keseluruhan, kami mendapati tingkah laku dan pendekatan MUHB terhadap AGM memerlukan profesionalisme dan tadbir urus dan isu ini perlu ditangani segera. Walaupun kami pernah memberikan komen sebelum ini, MUHB sekali lagi mengadakan AAGM di tempat yang jauh dan tidak sesuai (Avani Resort Sepang Gold Coast) dan ini tidak memudahkan kehadiran dan penyertaan para pemegang saham. Pilihan lokasi untuk AGM ini mungkin tidak menggalakkan kehadiran sesetengah pemegang saham.

Juruaudit luar MUHB, Tetuan Baker Tilly Monteiro Heng memberikan pendapat bersyarat mengenai penyata kewangannya bagi Jun 2017. Pendapat audit ini memburukkan lagi perbalahan antara lembaga pengarah dan pemegang saham yang berterusan.

Lembaga Pengarah MUHB perlu memperbaiki pengawasan dan pendekatannya ke arah tadbir urus korporat yang lebih baik.

Kegagalan berbuat demikian akan merosakkan reputasi syarikat, seterusnya menjejaskan kedudukannya dalam kalangan pelabur.

TA ANN - SARAWAK PLANTATIONS

Beralih kepada cadangan pengambilalihan Ta Ann ke atas kepentingan ekuiti 30.39% dalam Sarawak Plantation Bhd (SPB).

Ini adalah urusan niaga pihak berkaitan kerana Pengerusi Ta Ann dan pemegang saham utama iaitu Datuk Amar Abdul Hamed bin Sapawi merupakan pemegang saham pengawal dalam Cermat Ceria Sdn Bhd, penjual saham tersebut, yang memegang 30.39% kepentingan ekuiti dalam SPB (seperti dalam Laporan Tahunan 2017).

Cadangan itu menyatakan, Ta Ann akan muncul sebagai pemegang saham terbesar SPB dan SPB akan menjadi syarikat bersekutu Ta Ann yang mana bahagiannya daripada keuntungan masa depan Kumpulan SPB akan diiktiraf di bawah 'bahagian keputusan syarikat bersekutu'. Oleh itu, pertambahan pendapatan kepada Kumpulan Ta Ann daripada Cadangan Pemerolehan hanya akan berlaku jika 'bahagian keputusan syarikat bersekutu' daripada SPB adalah lebih tinggi daripada kos pinjaman tambahan daripada pinjaman yang diperoleh untuk Cadangan Pemerolehan.

Kami mendapati tidak ada apa-apa maklumat tentang pelaksanaan usaha wajar berkaitan kewangan atau undang-undang sedangkan kami berpendapat pelaksanaan usaha wajar adalah penting atas beberapa sebab. Antaranya, transaksi ini adalah urusan niaga pihak berkaitan yang melibatkan jumlah yang besar yang mana pertimbangan belian sebanyak RM169,936,048 mewakili kira-kira 12% daripada permodalan pasaran Ta Ann. 76% daripada pertimbangan belian pula akan dibiayai oleh pinjaman bank yang bermaksud kos tambahan kepada Syarikat pada masa hadapan.

Kami juga mendapati Inter-Pacific Securities, Penasihat Bebas (IA) Ta Ann, tidak dapat menjalankan analisis Aliran Tunai Terdiskaun (DCF) untuk menilai kewajaran nilai belian kerana mereka tidak diberikan akses kepada unjuran dan ramalan keuntungan serta aliran tunai SPB.

Kami bersetuju dengan kenyataan Inter-Pasifik iaitu DCF merupakan kaedah yang lebih sesuai untuk menilai aset dengan arus aliran wang tunai masa depan yang dijangkakan (dalam hal ini, perniagaan minyak sawit SPB).

Oleh itu, kami ingin mengulang pendirian tegas MSWG iaitu lembaga pengarah bertanggungjawab menyediakan semua maklumat dan dokumen yang diperlukan kepada IA supaya mereka dapat memberikan penilaian lengkap mengenai tawaran yang dibentangkan kepada para pemegang saham SPB.

Pemegang saham minoriti berhak mempersoalkan (serta membantah) pandangan Inter-Pasifik yang mengatakan pertimbangan belian adalah 'Wajar', kerana mereka tidak dapat menyelesaikan kerja mereka menurut metrik penilaian yang diterima.

Pendirian kami tetap teguh dan relevan lebih-lebih apabila perjanjian ini melibatkan pihak berkaitan iaitu pemeroleh dan penjual berkongsi pengerusi dan pemegang saham yang sama. Justeru, pihak berkenaan bertanggung jawab sepenuhnya untuk membuktikan tawaran ini dicadangkan selepas mengambil kira kepentingan kolektif semua pemegang saham.

PASUKAN MSWG
16 Mac 2018

TINJAUAN MINGGUAN AGM MSWG UNTUK TEMPOH 19 HINGGA 23 MAC 2018

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan MSWG pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh & Masa	Syarikat	Lokasi
20.03.18 (Selasa) 02.00 petang	Kim Loong Resources Bhd (EGM)	Amari Johor Bahru, No. 82C, Jalan Trus, Johor Bahru, Johor
21.03.18 (Rabu) 10.30 pagi	GFM Services Bhd (EGM)	Connexion Conference & Event Centre @ Nexus, Bangsar South City, Jalan Kerinchi, KL
23.03.18 (Jumaat) 11.00 pagi	TA ANN Holdings Bhd (EGM)	Tanahmas Hotel, Lot 277 Block 5, Jalan Kampong Nyabor, Sibul, Sarawak

Perkara penting untuk diajukan:

Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diajukan
GFM Services Bhd (EGM)	<p>Kami mendapati pada halaman 5 Pekeliling, Pertimbangan Belian dikira pada dasar "persetujuan pembeli dan penjual", selepas mempertimbangkan:</p> <ul style="list-style-type: none">(i) nilai keseluruhan kepentingan ekuiti dalam KP Mukah Development Sdn Bhd ("KPMD") yang diperolehi menggunakan Penilaian DCF seperti yang dilakukan oleh KAF IB;(ii) manfaat sinergi yang berpotensi diperolehi oleh GFM Services selepas selesai Cadangan Pemerolehan KPMD; dan(iii) prospek masa depan dan potensi pendapatan KPMD. <p>Bolehkah Lembaga kongsi nilai bagi keseluruhan kepentingan ekuiti KPMD yang diperolehi menggunakan Penilaian DCF seperti yang dilakukan oleh KAF IB? Apakah penanda aras dan parameter yang digunakan?</p>
TA ANN Holdings Bhd (EGM)	<p>Seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 3, Bahagian A Pekeliling Pemegang Saham bertarikh 8 Mac 2018 ("Pekeliling"), Kumpulan SPB mempunyai 8,055 hektar Estet</p>

Perkara penting untuk diajukan:

Terikat yang tertakluk pada saman dan/atau pertikaian yang berterusan. Berikutan itu, Kumpulan SPB tidak dapat menuai hasil daripada Estet Terikat. Kerugian rosot nilai terkumpul sebanyak RM21.8 juta dan RM43.0 juta telah dibuat pada TK2016 dan TK2017.

- (a) Apakah profil usia pokok kelapa sawit dalam Estet Terikat?
- (b) Memandangkan Kumpulan SPB tidak beroperasi dalam Estet Terikat sejak 2010, adakah syarikat akan membuat perbelanjaan modal yang besar ke atas ladang-ladang ini apabila menyambung semula operasi?
- (c) Seperti yang dinyatakan pada halaman 11 Pekeliling, Kumpulan SPB berjaya mendapatkan semula sebahagian ladang yang dipertikaikan sebelum ini pada tahun 2016. Berapakah keluasan ladang berkenaan?
- (d) Seperti yang dilaporkan dalam halaman 57 Pekeliling, Mahkamah Tinggi pada 23 Februari 2017 menolak tuntutan Kumpulan SPB dan syarikat terpaksa mengosongkan tanah itu. Kumpulan SPB memfailkan notis rayuan dan memohon untuk menangguhkan pelaksanaan. Bolehkah Lembaga kongsi pandangan peguam Syarikat mengenai kes ini?
- (e) Apakah langkah atau tindakan yang perlu diambil, selain yang sudah dimulakan oleh SPB, bagi memastikan isu ini dapat diselesaikan?

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar lyarahman@mswg.org.my

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my

Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat kinwing@mswg.org.my

Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my

Elaine Choo, Pengurus, Pemantauan Korporat elaine.choo@mswg.org.my

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my

Abdul Halim Alias, Pengurus, Pemantauan Korporat halim.alias@mswg.org.my

Mustaqim Yusof, Penganalisa, Khidmat Korporat mustaqim.yusof@mswg.org.my

Muhammad Faris bin Mohamed Yusof, Penganalisa, Pemantauan Korporat farisyusof@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke corporateservices@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.